

Rakyat perlu syukuri usaha kerajaan wujudkan banyak peluang kerja — Dr. M

U.M. 29 AUG 1992

NEBEL 28 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta rakyat bersyukur kerana kerajaan berjaya mewujudkan suasana istimewa di negara ini di mana banyak peluang pekerjaan diwujudkan sehingga majikan terpaksa mencari pekerja.

Perdana Menteri berkata, dengan insentif yang diberi kepada pelabur-pelabur, kerajaan sanggup tidak mengutip cukai dari kilang-kilang selama 10 tahun asalkan rakyat tidak menganggur dan mendapat peluang pekerjaan.

"Inilah usaha kerajaan berbanding sesetengah pemimpin kesatuan sekerja yang tidak mewujudkan satu pun peluang pekerjaan. Mereka hanya mahu mogok, tuntutan gaji tinggi, kerja ikut peraturan dan berbagai cara ugutan," katanya.

Beliau mengingatkan tindakan-tindakan pemimpin kesatuan sekerja itu hanya akan menakutkan para pelabur.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Pusat Pertumbuhan Desa dan tapak projek industri kecil dan sederhana Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERIDA) di Tasek dekat sini petang ini.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin Kongres

Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) misalnya suka mendesak supaya tidak ada keamanan dalam perindustrian.

"Kalau orang takut melabur, ramai akan menganggur, kesatuan sekerja tidak memperdulikan mereka yang menganggur, mereka hanya peduli kepada yang bekerja kerana boleh kutip yuran dan duduk senang lenang belanja yuran pekerja kadang-kadang pergi luar negeri untuk diri mereka," katanya.

Sebaliknya sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kerajaan berusaha semaksimalata untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi semua rakyat supaya rakyat mendapat pendapatan yang baik dan bahagia.

"Bagi kerajaan, asal rakyat bekerja, dapat gaji dan sara hidup yang cukup itu adalah satu kejayaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kilang-kilang kini wujud di kawasan luar bandar yang dapat memberi peluang pekerjaan termasuk kepada suri rumah untuk membolehkan mereka mendapat kerja separuh masa bagi menambah pendapatan.

Katanya, berbanding negara lain, rakyat negara ini amat beruntung kerana peluang-peluang pekerjaan yang

jud dengan gaji yang lebih baik lebih-lebih lagi semasa kilang sedang berebut-rebut mencari pekerja.

Perdana Menteri juga meminta syarikat-syarikat atau kilang yang mencatat keuntungan supaya membayar cukai 35 peratus kepada kerajaan untuk dibelanjakan kepada rakyat.

"Keuntungan itu bukan untuk poket kerajaan tetapi untuk keperluan rakyat yang lain seperti api dan air," katanya.

Beliau berharap, rakyat sedar dan insaf nikmat yang diterima kerana wujudnya suasana aman tenteram dengan hubungan baik antara kaum, peluang kerja banyak, makmur dan tidak mempunyai bencana alam yang terlalu besar seperti dialami negara lain.

"Kerajaan akan terus berusaha menolong semua rakyat di kampung, di desa dan di bandar," katanya.

Perdana Menteri sebelum itu bersembahyang Jumaat bersama penduduk Masjid Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah dan menyertai jamuan makan tengah hari bersama rakyat di pekarangan masjid itu.